

Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM)



PENGENALAN LBKM

LBKM bukanlah sebuah badan yang asing bagi penduduk di Singapura. Sejak 46 tahun yang lalu, badan ini telah menghulurkan bantuan pada mereka yang kurang berkemampuan untuk menyambungkan pembelajaran mereka.

Usaha murni ini telah dimulakan oleh Almarhum Syed Ali Redha Alsagoff dan menurut Major Hashim, Setiausaha Eksekutif LBKM, “arwahnya ingin menghasilkan sesuatu yang bermanfaat kepada masyarakat, lantas terhasillah idea LBKM ini.”

Badan ini memberikan bantuan kepada kedua-dua aliran pelajaran; baik aliran agama mahupun aliran akademik.

Encik Hashim menerangkan, “kami utamakan kedua-dua aliran ini tetapi kami berikan lebih kepada aliran agama kerana mereka tidak dapat banyak bantuan. Kalau di sekolah sekular, mereka ada EduSave dan lainnya tetapi sekolah agama di sini kurang mendapat bantuan lebih-lebih lagi dengan yuran yang agak mahal.”



Badan ini walaubagaimanapun tidak seperti badan Islam yang lainnya di mana mereka tidak mendapat sebarang bantuan daripada kerajaan. Sebaliknya, mereka memperoleh bantuan 100 peratus dari masyarakat. Ini termasuk badan ataupun individu yang tertentu.

SKIM BIASISWA LBKM TERKINI

Jika sebelum ini, mereka banyak memberikan dermasiswa tetapi kini, mereka memberikan bantuan yang terbaru iaitu biasiswa.

Walaupun badan ini bernama Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud tetapi sebenarnya, wang bantuan tersebut adalah dermasiswa. Khabar Major Hashim, “ia dinamakan LBKM kerana pada waktu dulu, belum ada istilah dermasiswa lagi.”

“Untuk biasiswa, kami memberikan \$10,000 untuk pos-siswazah dan \$5,000 untuk sarjana muda. Bantuan terbaru ini bermula pada tahun lalu dan kami telah memberikan bantuan kepada 4 orang sejauh ini. Ada di antara mereka yang melanjutkan di Oxford, Cambridge dan juga Havard.”



SUMBER KEWANGAN LBKM

Beralih ke maklumat sumber kewangan LBKM pula, Major Hashim menerangkan, “dulu, kami adakan Hari Bendera tapi sekarang tidak lagi. Jadi, yang tinggal adalah pungutan hari Jumaat, itupun setahun sekali. Kami juga turut membuat rayuan bantuan kepada kenalan, individu dan sebagainya.”

Selain dari itu, mereka juga mempunyai sebuah rumah sewa yang keuntungannya mencapai \$60,000 setahun.

PENERIMA SUMBANGAN

LBKM memang sinonim dengan memberikan bantuan kepada pelajar tetapi sebenarnya, selain dari memberikan bantuan kepada pelajar, mereka turut memberikan bantuan kepada badan atau organisasi tempatan yang membuat kajian seperti Pergas yang baru-baru ini menerbitkan buku *Obor Ummah*.”

Begitulah dia sedikit penerangan daripada Major Hashim selaku Setiausaha Eksekutif LBKM. Yang pasti, beliau bukanlah calang-calang orang dalam menguruskan badan ini. Prinsipnya, “lebih banyak kita beri lebih banyak kita dapat.”

Bagi anda yang ingin membeikan bantuan bolehlah menghubungi talian 6447 4770 atau ke laman mereka di <http://www.bursary.org/>

Semoga LBKM akan terus berjaya pada masa-masa akan datang, insya Allah.

*Gambar diambil dari laman rasmi LBKM, <http://www.bursary.org/>